

Menjana ekonomi agropeladang, penternak

Penubuhan bank, tanah wakaf mampu atasi beban faedah pinjaman modal



DR HAKIMAH YAACOB

Pertanian adalah perniagaan. Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Negeri Selangor pada 28 hingga 30 Ogos 2015, banyak usul diketengahkan oleh Menteri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek. Hak penternak serta peladang dijamin kementerian yang tidak putus-putus memberi sokongan serta bantuan bagi memajukan industri tani. Ketika ini, Malaysia masih bergantung kepada pengimportan kambing dan daging kambing dari luar negara seperti Australia, New Zealand, Indonesia, Afrika Selatan dan Thailand.

Dari segi import kambing dan daging dari tahun 2003 hingga 2007 wujud peningkatan antara tiga hingga lima peratus setiap tahun. Tahap sara diri hanya mencapai sembilan peratus pada tahun 2008 dengan sasaran mencapai 35 peratus pada tahun 2015, penternakan kambing adalah industri yang sentiasa mempunyai permintaan tinggi.

Perlu banyak modal

Penternakan dan perladangan pada hari ini memerlukan banyak dana atau modal sebagai asas permulaan perniagaan. Kebanyakannya bantuan ditawarkan berbentuk pinjaman berbayar bagi tempoh tertentu berserta dengan faedah pulangan di antara empat hingga enam peratus setahun. Ditambah pula dengan kerentah birokrasi perbankan perlukan jaminan sekuriti atau tuntutan yang kadang kala tak masuk akal menyebabkan mereka putus harapan.

Sebagai contoh, untuk membina bangunan berkoncepcian agrotourisme, penternak atau petani yang guna tanah pertanian disuruh menukar tanah kepada pembangunan sekitarnya ingin dapat bantuan membina bangunan atau resort bagi tujuan itu.

Paling tidak pun, kebenaran Majlis Daerah berserta dengan pelan bangunan yang diluluskan oleh arkitek bertauliah membabitkan ribuan ringgit. Industri asas tani membabitkan mereka yang berlatar belakang peladang dan penternak kecil yang perlukan sokongan serta bimbingan untuk berjaya. Cuma, kebanyakan penternak atau peladang yang berjaya pada hari ini tidak

kawasan ini boleh dibahagi kepada kawasan perumahan kambing (seekor) dan selebihnya kawasan pengeluaran makanan ternakan sama ada sebagai foder (sistem potong dan angut) atau ragutan berpusingan (sistem bebas lepas). Permintaan dapat dipasarkan melalui pasar raya besar. Selain itu, ia boleh dibekalkan untuk menuhi permintaan hotel dan restoran.

Cabarannya utama industri ini ialah kemampuan membekalkan kuantiti yang besar dan berterusan. Bank wakaf di mana terkumpul duit wakaf untuk tujuan kebaikan boleh memainkan peranan. Pertanian dan penternakan boleh memberi manfaat kepada si pewakaf. Dengan adanya bank wakaf tiada lagi isu faedah dikenakan kepada peladang atau penternak.

Bank wakaf tiada faedah

Duit yang diwakafkan tidak boleh dikenakan sebarang faedah. Bank wakaf ini juga bertujuan untuk membantu penternak, peladang, nelayan dan sebagainya untuk bertapak dengan selesa tanpa memikirkan faedah dan panjangnya tempoh hutang.

Ini dapat menyelesaikan masalah kewangan modal yang sering dihadapi oleh petani. Kedudukan penghutang untuk membayar lebih tinggi kerana liabiliti dari segi kewajipan terhadap agama terletak di atas perkataan ‘wakaf’ itu sendiri. Bank wakaf ini tidak akan tertakluk kepada mana-mana keperluan rasional modal seperti institusi perbankan sedia ada. Begitu juga dengan keperluan perundangan tertakluk kepada

Basel III atau Bank Penyelesaian Antarabangsa. Ini kerana bank wakaf adalah bank yang telus, lestari dan berdaya saing.

Tanah wakaf yang dilaporkan oleh Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR) melebihi beratus-ratus ekar, maka diunjurkan supaya tanah ini dibuat perkongsian bersama penternak dan hasilnya mampu menjana ekonomi pihak Majlis Agama Islam Negeri dan juga penternak itu sendiri. Integrasi dan kolaborasi berhikmah begini memang bertepatan juga dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diuarkan kerajaan. Mungkin skim ‘Mu-

“
Penternakan
dan
perladangan
pada hari ini
memerlukan
banyak dana
atau modal
sebagai asas
permulaan
perniagaan”

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali
maha@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Badruhisham Othman
baheta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Penerangan Peredaran & Digital
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Ahmad Zaini
Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Fax: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my

pula melahirkan penternak atau usahawan baharu.

Dalam kes ini, pujian harus diberikan kepada MJ Fathonah Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera yang mewujudkan Akademik Usahawan bagi melahirkan usahawan ternakan di bawah bimbingan pengasas syarikat itu sendiri. Penternak yang mahu memulakan sistem perladangan memerlukan modal serta tapak untuk bermula. Keluasan kawasan minimum yang ideal ialah tiga ekar atau bersamaan 1.2 hektar.

dharabah' dengan penternak dapat dilakukan dan keuntungan boleh dibahagi sama rata dengan pengusaha yang mampu melakukan kerja perladangan atau skim 'musharakah', di mana keuntungan dikongsi mengikut pelan perkongsian diper-setujui bersama.

 **Penulis**

ialah Ketua Bahagian Wakaf, Ekonomi,
Kewangan dan Zakat di Institut Antarabangsa
Kajian Tinggi Islam Malaysia (IAIS)